

PRAKTIS 4

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kanak-kanak zaman ini mudah terdedah kepada risiko rabun jauh seawal usia dan juling jika ibu bapa gagal mengawal permainan elektronik dalam tempoh terlalu lama.

Tabiat gemar bermain dengan peralatan elektronik terlalu lama berbanding melakukan aktiviti luar rumah dipercayai menambah kebarangkalian rabun jauh. Pakar Oftamologi Katarak dan Refraktif, Dr Vienne Tai Pih Yih, berkata menatap gajet terlalu lama boleh merosakkan penglihatan. Katanya, mata menjadi letih disebabkan terlalu lama tertumpu kepada paparan skrin peralatan elektronik, kesannya mereka tidak melakukan aktiviti fizikal di rumah.

Mereka perlu mengurangkan terdedah dengan peralatan elektronik kerana boleh menyumbang kepada pemanjangan mata dan menggalakkan miopia. Malah dengan jarak dekat pada tempoh lama menyebabkan mata menjadi tegang dan meningkatkan miopia dan risiko juling. Peralatan elektronik menghasilkan tenaga tinggi dalam bentuk sinar biru yang menyebabkan sindrom penglihatan komputer iaitu gabungan sakit kepala, mata menjadi tegang, keletihan, penglihatan kabur dan mata menjadi kering.

Elakkan anak membaca atau menggunakan gajet dalam keadaan gelap kerana boleh menyebabkan mata menjadi tegang, selain memastikan mereka tidur cukup iaitu tujuh hingga sembilan jam sehari. Makan sayur-sayuran dan buah-buahan memberikan nutrisi perkembangan penglihatan anak.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Lama main gajet risiko juling, rabun jauh," dalam *bharian.com.my* 2018)

Bahan 2

KUALA LUMPUR – Ibu bapa perlu mengehadkan penggunaan peranti elektronik seperti tablet dan telefon pintar dalam kalangan kanak-kanak bagi mengelakkan penglihatan mereka rosak. Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata beliau bimbang dengan trend membiarkan kanak-kanak bawah tiga tahun bermain dengan peranti berkenaan tanpa had.

Malah, katanya, ada dalam kalangan ibu bapa memberikan alasan terpaksa membiarkan anak bermain dengan peranti berkenaan kerana tiada masa untuk melayan kerenah mereka.

Kenyataan itu dikeluarkan susulan kajian global baru-baru ini, yang mendapati penggunaan peranti elektronik seperti telefon pintar dan televisyen melebihi dua jam seminggu, memberi implikasi negatif terhadap daya penglihatan. Kajian itu turut menyarankan kanak-kanak sewajarnya hanya dibenar bermain dengan peranti elektronik sekitar 17 minit saja sehari.

Lam Thye, berkata had waktu itu perlu dilihat serius, berikutan baru-baru ini, Kementerian Pendidikan memaklumkan kepada Dewan Rakyat bahawa penggunaan gajet elektronik terlalu lama, antara penyumbang utama masalah penglihatan dalam kalangan murid.

Katanya, jika masalah ketagihan atau 'gila gajet' tidak ditangani segera, beliau bimbang hal ini bukan saja akan merosakkan penglihatan, tetapi kanak-kanak turut berdepan risiko pelbagai masalah sosial lain termasuk pornografi dan buli siber.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Hadkan anak guna gajet elak rosak penglihatan", dalam *bharian.com.my* 2018)

- 1 Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan punca berlaku kerosakan mata pada kanak-kanak.

- 2 Berdasarkan Bahan 2, apakah peranan ibu bapa bagi menangani gejala ketagihan telefon bimbit dalam kalangan anak?

- 3 Gajet seperti telefon bimbit sebenarnya boleh membantu murid dalam pembelajaran mereka. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk memanfaatkan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan murid sekolah? **KBAT** Mental

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

KUALA LUMPUR: Janji kerajaan baharu untuk mewujudkan sejuta peluang pekerjaan dalam tempoh lima tahun boleh dicapai dalam jangka panjang jika kerajaan tersebut dapat meningkatkan perbelanjaan pembangunan selain menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS).

Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Azali Mohamed, berkata peluang pekerjaan dan kos sara hidup adalah antara isu kritikal yang kini membelenggu rakyat Malaysia. Azali menggesa kerajaan supaya memberi perhatian kepada IKS yang selaku tulang utama ekonomi negara, mempunyai prospek dalam mewujudkan peluang pekerjaan.

Merujuk pencapaian Korea Selatan pada 1970-an dan 1980-an, beliau berkata kejayaan negara itu dalam membangunkan IKS membuka banyak peluang pekerjaan untuk rakyatnya.

Beliau berkata langkah mengupayakan IKS terutamanya dalam penghasilan produk makanan boleh membantu menangani kos hidup rakyat. Antaranya dengan membantu IKS pertanian supaya dapat menghasilkan lebih banyak produk makanan, sekali gus menjamin bekalan makanan negara selain mengurangkan harga makanan dalam pasaran.

(Dipetik dan diubah suai daripada "IKS mampu wujudkan banyak pekerjaan", dalam *bharian.com.my*, 2019)

Bahan 2
CIRI-CIRI IKS

Jenis Keluaran	Keluaran IKS tidak memerlukan tahap teknologi yang tinggi, mesin yang canggih dan pekerja yang berkemahiran tinggi.
Organisasi	Organisasi IKS lebih mudah, berskala kecil, kurang birokratik dan kurang formal berbanding dengan industri besar.
Modal	Kebanyakan IKS terdiri daripada syarikat sendirian berhad, perkongsian atau milikan tunggal yang bermodal kecil dan sederhana.

- Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan kepentingan industri kecil dan sederhana kepada pembangunan negara.

- Nyatakan **tiga** contoh industri kecil dan sederhana yang dapat menyokong kemajuan industri pelancongan. **KBAT** Mengaplikasi

- Periaga industri kecil dan sederhana mampu meluaskan perniagaan mereka sekiranya diberikan sokongan oleh kerajaan. Pada pendapat anda, apakah bentuk-bentuk sokongan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha industri kecil dan sederhana? **KBAT** Menilai
